

Konsep Keluarga Malaysia terus dijiwai seluruh rakyat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Ogos 21, 2022 @ 11:11 am
bhnews@bh.com.my



PERDANA Menteri ketika temu bual bersama media sempena setahun pentadbirannya di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya. Ihsan PMO

KUALA LUMPUR: Konsep Keluarga Malaysia yang menjadi agenda penting kerajaan ketika ini, dalam membina keharmonian serta memupuk semangat muhibah dan kesepaduan terus diterima baik dan dijiwai seluruh rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sepanjang tempoh 12 bulan konsep itu diketengahkan sebaik beliau menerajui pentadbiran negara, semangat kekeluargaan ini jelas terserlah daripada kalangan rakyat pelbagai kaum, menjadikan konsep ini cukup disenangi semua.

"Dari pengamatan saya, rakyat semakin menerima sebab Keluarga Malaysia mudah difahami. Bukan sukar, konsep keluarga ada pada kehidupan harian kita. Setiap keluarga ada penjaga yang menjaga ahli keluarga yang lain. Samalah konsepnya dengan kerajaan yang ada hari ini.

"Semuanya sebagai keluarga. Jadi kita saling memerlukan antara satu sama lain. Membantu antara satu sama lain. Saya percaya kalau ada keluarga yang ditimpa kesusahan, pasti kita akan beri keutamaan untuk membantu keluarga kita," katanya.

Beliau memberitahu demikian dalam temu bual bersama media tempatan sempena setahun pentadbirannya di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya baru-baru ini.

Ismail Sabri mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri ke-9 Malaysia pada 21 Ogos 2021.

Sehari selepas itu, beliau pantas mengumumkan gagasan Keluarga Malaysia yang menekankan kepada tiga teras utama iaitu Kebersamaan, Keterangkuman dan Kesyukuruan.

Perdana Menteri menjelaskan, tidak hanya kepada rakyat kebanyakan, penekanan konsep Keluarga Malaysia juga disemai dalam urusan pentadbiran kerajaan.

"Sebab itu, dari segi kakitangan kerajaan pun saya tekankan kepada mereka. Kalau dahulu bekerja sebagai satu pasukan, sekarang kerja sebagai satu keluarga. Kalau kita pergi Sabah dan Sarawak, ini satu perkara agak biasa dari segi hubungan antara kaum, agama dan sebagainya.

"Jadi konsep itu sudah ada pada kita, cuma kita besarkan konsep itu bukan sahaja keluarga kita, tetapi rakyat Malaysia keseluruhannya. Saya lihat apabila melakukan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, dari segi penerimaan dan apa yang ditanya mengenai konsep ini ramai yang memahami dan menganggap ia satu perkara yang kita perlu teruskan dan kekalkan," katanya.

Sehari selepas itu, beliau pantas mengumumkan gagasan Keluarga Malaysia yang menekankan kepada tiga teras utama iaitu Kebersamaan, Keterangkuman dan Kesyukuruan.

Perdana Menteri menjelaskan, tidak hanya kepada rakyat kebanyakan, penekanan konsep Keluarga Malaysia juga disemai dalam urusan pentadbiran kerajaan.

"Sebab itu, dari segi kakitangan kerajaan pun saya tekankan kepada mereka. Kalau dahulu bekerja sebagai satu pasukan, sekarang kerja sebagai satu keluarga. Kalau kita pergi Sabah dan Sarawak, ini satu perkara agak biasa dari segi hubungan antara kaum, agama dan sebagainya.

"Jadi konsep itu sudah ada pada kita, cuma kita besarkan konsep itu bukan sahaja keluarga kita, tetapi rakyat Malaysia keseluruhannya. Saya lihat apabila melakukan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, dari segi penerimaan dan apa yang ditanya mengenai konsep ini ramai yang memahami dan menganggap ia satu perkara yang kita perlu teruskan dan kekalkan," katanya.



Ismail Sabri diiringi Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man melancarkan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Perlis di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar pada 25 Mac lalu. NSTP/Luqman Hakim Zubir



Ismail Sabri menerima cenderamata sambil diperhatikan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (kiri) selepas merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Kelantan di Stadium Sultan Muhammad IV pada 23 Julai lalu. NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

Serlah toleransi rakyat

Ditanya kesan konsep ini terhadap isu sensitif yang sering berlaku dalam masyarakat, Ismail Sabri berkata, semangat Keluarga Malaysia sedikit sebanyak menyertahkan tahap toleransi rakyat.

"Saya tidak buat kajian, tapi saya lihat dari segi hubungan kaum, agak baik walaupun satu ketika dahulu, isu perkauman, agama selalu keluar, hari-hari dalam media sosial. Tapi sekarang nampak ia semakin berkurangan.

"Saya menganggap ia sebagai kejayaan kerana bagi kita Keluarga Malaysia, bermakna setiap individu dalam negara ini menerima konsep ini.

"Maka keharmonian itu dapat dicapai dengan cepat. Saya tak tahu sama ada betul atau tidak, tetapi kita akan buat kajian, isu panas yang membabitkan kaum sudah menjadi semakin kurang dengan keharmonian antara kaum," katanya.